

20 SEP 2002

Belanjawan-NGO

KERAJAAN TERUSKAN BANTUAN UNTUK NGO YANG MEMBANTU ANGGOTA MASYARAKAT

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Kerajaan akan terus membantu pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang bersikap positif dan sentiasa berusaha untuk membantu anggota masyarakat yang tidak bernasib baik.

Ketika membentangkan Belanjawan 2003/2004 di Parlimen hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sebanyak RM102.1 juta akan diperuntukkan untuk semua NGO ini menerusi lapan buah kementerian yang berkaitan.

Katanya, semua NGO yang menjalankan aktiviti khusus untuk pembangunan wanita dan keluarga di negara ini juga akan menerima peruntukan sendiri berjumlah RM20 juta.

"Selain itu, kerajaan juga memperuntukkan RM9 juta untuk Majlis AIDS Malaysia, iaitu RM4 juta untuk aktiviti pencegahan dan RM5 juta bagi menampung rawatan pesakit yang terdiri daripada penagih dadah," katanya.

Kerajaan juga, kata Dr Mahathir, tidak meminggirkan golongan kurang upaya kerana mereka turut diberi peruntukan berjumlah RM19 juta.

"Golongan yang cacat penglihatan pula akan menerima geran sebanyak RM2 juta bagi mengisi tabung teknologi komunikasi dan maklumat (ICT).

"Kerajaan berharap pemberian ini akan membantu mereka memperoleh komputer serta peralatan ICT yang lain.

"Diharap dengan wujudnya tabung ini, mereka tidak akan tercicir dari arus perkembangan ICT dan berpeluang untuk mendapat pekerjaan," kata beliau lagi.

-- BERNAMA

SOP AHH ROS